

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
BIL. 3 TAHUN 2024**

Tarikh : 8 November 2024 (Jumaat)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Straits Ballroom East
Hotel Holiday Inn, Melaka

KEHADIRAN

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Dato' Shharuddin bin Abu Sohot - **Pengerusi**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
2. YBrs. Dr. Shahril bin Baharim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
3. Encik Shafarin bin Nasuredin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
4. Encik Mohd Khairul bin Kassim
Presiden
Kelab Sukan, Kebajikan dan Sosial
5. YBrs. Ts. Dr. Norlida binti Ramly
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
6. Puan Fatimah Nazaliza binti Mohd Nasir
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
7. Puan Noorziehan binti Sidin
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

8. Encik Shankaran a/l Ramsomdram - **Setiausaha Pihak Pegawai**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
9. Puan Siti Nur Baizura binti Mokhtar
Timbalan Pengarah 2
MaTiC
10. Puan Nur Izzati binti Mazlan
Penolong Setiausaha
Bahagian Pentadbiran

PIHAK PEKERJA

11. Puan Emi Azreena binti Abd Ghani - **Pengerusi Pihak Pekerja**
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Penolong Jurutera/ Arkitek/
Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan/ Penjaga Jentera Elektrik
(Gred JA29-JA36/J19-J48)
Bahagian Pembangunan Prasarana
12. Puan Jojo Lizawati binti Salim - **Timb. Pengerusi Pihak Pekerja**
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit
(Gred W29-W48)
Bahagian Akaun
13. Puan Nurul Ashikin binti Samat - **Setiausaha Pihak Pekerja**
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Juruteknik Komputer (Gred FT19-FT22/FA29-FA32/F41-F44)
Bahagian Pengurusan Maklumat
14. Puan Zurina binti Zainal Abidin Shah
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M41-M48)
Pejabat MOTAC Negeri Sarawak
15. Encik Muhammad Faidzul bin Awang Bakar
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M41-M48)
Bahagian Pembangunan Prasarana
16. Encik Zul Hilmi bin Suhaimi @Bainah
Kumpulan Pegawai Arkib/ Pegawai Psikologi/ Penolong Pegawai Psikologi/
Kurator/ Pegawai Hal Eghwal Islam/ Penolong Pegawai Hal Eghwal Islam/ Penolong
Pegawai Pustakawan/ Pembantu Pustakawan (Gred S19-S44)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

17. Encik Wan Mohd Rahimi bin Rahim
Pegawai Arkib
Bahagian Pentadbiran
18. Encik Suhaimi bin Abdul Rahim
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B18-B48)
Bahagian Pengurusan Acara
19. Puan Noor Atiqah binti Zulkepli
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B18-B48)
Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan
20. Puan Mazlina binti Mohd Rasit
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit
(Gred W29-W48)
Bahagian Kewangan
21. Encik Muhammad Shukri bin Mohd Nor
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Juruteknik Komputer (Gred FT19-FT22/FA29-FA32/F41-F44)
Bahagian Pengurusan Maklumat
22. Puan Musfaleza binti Mustapa
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29-N40)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
23. Puan Nurul Hidayah binti Aman
Kumpulan Pegawai/Penolong Pegawai Undang-Undang (Gred L29-L44)
Unit Perundangan
24. Puan Siti Norhidayah binti Abd Aziz
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas/
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N19-N29)
Bahagian Pengurusan Acara
25. Puan Khairiah binti Muhamad Khair
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan (Gred N22-N26)
Bahagian Pentadbiran
26. Encik Muhammad Hafizie Rizal Pung bin Abdullah
Kumpulan Pembantu Tadbir Pengeranian/Operasi (Gred N19)
Bahagian Dasar Kebudayaan

27. Puan Siti Raihana binti Abdullah
Kumpulan Pembantu Tadbir Pengeranian/Operasi (Gred N19)
Pejabat MOTAC Negeri Johor
28. Encik Asnizan bin Mat Sufi
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan/ Pembantu Akauntan (Gred W19-W26)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
29. Puan Nourul Izzaty binti Ridzwan
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan/ Pembantu Akauntan (Gred W19-W26)
Pejabat MOTAC WP Kuala Lumpur/ Putrajaya
30. Puan Haslinda binti Omar
Kumpulan Pembantu Operasi (Gred N11-N14)
Bahagian Pembangunan Industri
31. Encik Mohd Sabri bin Abd Rahman
Kumpulan Pembantu Operasi (Gred N11-N14)
Pejabat Timbalan Menteri
32. Encik Fahriza bin Mazli
Kumpulan Pemandu Kenderaan (Gred H11-H14)
Bahagian Pentadbiran
33. Encik Jalani bin Ismail
Kumpulan Pemandu Kenderaan (Gred H11-H14)
Bahagian Pentadbiran

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

PIHAK PEGAWAI

34. YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman
Ketua Setiausaha
35. Puan Siti Nor binti Minu
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
36. Encik Mohd Rashdan bin Ab Rashid
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Kewangan

37. Puan Aini Zulfa binti Abd Rahim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pentadbiran

PIHAK PEKERJA

38. Puan Pathma a/p Selvaraju
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Penolong Pegawai Perhubungan Awam
(Gred S29-S44)
Unit Komunikasi Korporat
39. Puan Adilillah Laily binti Mohamed
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Penolong Pegawai Perhubungan Awam
(Gred S29-S44)
Unit Komunikasi Korporat
40. Encik Muhammad Noor Shuhaimi bin Ramli
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Penolong Jurutera/ Arkitek/
Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan/ Penjaga Jentera Elektrik
(Gred JA29-JA36/J19-J48)
Bahagian Pentadbiran
41. Puan Salwahaini binti Md Nasir
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas/
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N19-N29)
Bahagian Dasar Kebudayaan
42. Encik Rozli bin Abdul Rani
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29-N40)
Pejabat MOTAC Negeri Pahang
43. Encik Khairilnizam Helmy bin Kamarul Zaman
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan (Gred N22-N26)
Bahagian Kewangan

URUS SETIA

1. Puan Nurul Ain binti Jumaat
Penolong Setiausaha BPSM
2. Puan Farhanah binti Abdullah
Pembantu Tadbir, BPSM

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MOTAC Bilangan 2 tahun 2024.
- 1.2 Memandangkan tempoh pelantikan wakil pekerja MBJ MOTAC akan berakhir pada 31 Disember 2024, Pengurusan MBJ mengucapkan terima kasih kepada semua Wakil Pekerja yang telah melaksanakan tugas dengan jayanya sepanjang tempoh 2023 hingga 2024. Sijil penghargaan yang telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Wira KSU telah disampaikan kepada semua ketika majlis makan malam pada 7 November 2024.

Makluman

1.3 TAWARAN OPSYEN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) KEPADA SEMUA PEGAWAI AWAM BERMULA 21 OKTOBER 2024 HINGGA 30 NOVEMBER 2024

- 1.3.1 YBhg. Dato' pengerusi memaklumkan bahawa tawaran pemilihan opsyen SSPA terbuka kepada semua Pegawai Awam bertaraf tetap bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang akan berkuatkuasa mulai **1 Disember 2024**. Dijangka seramai 1.5 juta Pegawai Awam akan menandatangani opsyen ini mulai 21 Oktober hingga 30 November 2024.
- 1.3.2 Mesyuarat turut dimaklumkan, pelarasan gaji baharu bakal diterima Pegawai Awam bertaraf tetap dan lantikan kontrak (COS) seawal bulan Disember ini, dengan Gaji Permulaan Terendah dalam perkhidmatan awam ditingkatkan kepada RM1,500.00 sebulan. Selama tempoh 40 hari ini, Kementerian dan Jabatan mesti melaksanakan urusan menandatangani opsyen SSPA selewat-lewatnya **30 November 2024**. Namun, bagi memastikan bayaran gaji baharu dapat dilaksanakan pada bulan Disember 2024, pihak BPSM telah memaklumkan warga MOTAC untuk selesai tandatangan opsyen SSPA **sebelum/pada 10 November 2024**.
- 1.3.3 YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam memaklumkan bahawa melalui SSPA aspek peningkatan kualiti dalam pengurusan dan pembangunan modal insan merupakan elemen penting yang diberi keutamaan. Ini memperlihatkan usaha berterusan Kerajaan

untuk menambah baik produktiviti dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Seterusnya, Pegawai Awam yang berprestasi tinggi akan dapat menterjemahkan agenda reformasi perkhidmatan awam bagi menjayakan Malaysia MADANI dan menyejahterakan rakyat.

- 1.3.4 Sebagai tambahan, SSPA juga berupaya untuk menangani isu pendapatan yang tidak seiring dengan kos sara hidup, serta memperkukuh kemampanan fiskal negara. YBhg. Tan Sri KPPA juga menganjurkan semua Pegawai Awam untuk memilih opsi SSPA bagi menikmati pelarasan gaji baharu, pemantapan saraan dan penambahbaikan laluan kerjaya. Selaras dengan itu, JPA telah melaksanakan Sesi Libat Urus dengan semua Pegawai Awam mengikut negeri dan zon.

Makluman

1.4 GARIS PANDUAN GAYA HIDUP AKTIF PENJAWAT AWAM MELALUI INISIATIF X-BREAK DAN PEMBUDAYAAN SUKAN

- 1.4.1 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa, Kementerian Belia dan Sukan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia telah membangunkan Garis Panduan Gaya Hidup Aktif Penjawat Awam melalui Inisiatif X-Break dan Pembudayaan Sukan.
- 1.4.2 Garis Panduan ini meminda ketetapan yang dibuat sebelum ini melalui Surat Edaran Senaman Ringan atau X-Break 15 minit Semasa Waktu Bekerja bertarikh 17 April 2019 serta memperkenalkan penambahan perkara baharu berkaitan dengan pelaksanaan gaya hidup aktif penjawat awam melalui inisiatif X-Break dan pembudayaan sukan.
- 1.4.3 Inisiatif ini bertujuan mengurangkan kos rawatan kesihatan penjawat awam dan memastikan penjawat awam mempunyai kesihatan dan kecergasan fizikal pada tahap yang terbaik.

Makluman

1.5 PENYEBARLUASAN PEMAHAMAN KONSEP GAGASAN MALAYSIA MADANI

- 1.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) melalui surat bertarikh 14 Ogos 2024 telah mengeluarkan

arahan mengenai Penyebarluasan Pemahaman Konsep Gagasan Malaysia MADANI. INTAN telah bangukan 2 pendekatan iaitu:

- a) Slot Malaysia MADANI: *An Overview* (Slot Pengenalan Konsep); dan
- b) Modul Latihan Malaysia MADANI Perkhidmatan Awam (MMPA).

1.5.2 Penyebarluasan Pemahaman Konsep Gagasan Malaysia MADANI akan diperluaskan ke semua peringkat Bahagian/ Unit/ Pejabat MOTAC Negeri/ Jabatan/ Agensi. Cawangan Pembangunan Modal Insan dan Kompetensi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) MOTAC akan mengemukakan surat arahan dalam masa terdekat untuk tindakan selanjutnya oleh Bahagian/ Unit/ Pejabat MOTAC Negeri/ Jabatan/ Agensi.

Makluman

1.6 PELAN OPERASI LATIHAN (POL) TAHUN 2025

1.6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Cawangan Pembangunan Modal Insan dan Kompetensi BPSM MOTAC telah mengemukakan Cadangan Pelan Operasi Latihan (POL) MOTAC Tahun 2025 kepada semua Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit melalui emel bertarikh 4 November 2024 yang lalu.

1.6.2 Oleh demikian, semua Bahagian/ Unit dimohon untuk melengkapkan cadangan serta perincian anggaran perbelanjaan POL MOTAC 2025 sebelum **13 Disember 2024** untuk semakan dan kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) – Latihan.

Makluman

1.7 KEHADIRAN BERKURSUS PEGAWAI/ KAKITANGAN MOTAC 2024

1.7.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, sehingga 30 Oktober 2024, **88%** daripada jumlah keseluruhan pegawai/ kakitangan MOTAC termasuk di Pejabat MOTAC Negeri/ Jabatan/ Agensi telah berjaya memenuhi **jumlah minimum** hari berkursus.

1.7.2 Walau bagaimanapun, terdapat **2%** yang melibatkan 49 orang pegawai/ kakitangan masih belum menghadiri **sebarang kursus** pada tahun 2024. Semua pegawai/ kakitangan dimohon untuk

melengkapkan jumlah minimum hari berkursus sebelum akhir tahun 2024.

Makluman

1.8 PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM (SUBJEK JABATAN)

1.8.1 YBhg. Dato' pengerusi memaklumkan bahawa, permohonan menduduki peperiksaan perkhidmatan awam (subjek jabatan) MOTAC telah dibuka mulai **4 November 2024**. Sehubungan itu, calon baharu dan calon mengulang daripada skim Bakat (B) dan Kurator (S) yang belum disahkan jawatan boleh membuat permohonan secara atas talian sebelum **28 Februari 2025**.

Makluman

1.9 PROGRAM KESIHATAN MENTAL

1.9.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Unit Pengurusan Psikologi BPSM MOTAC akan menganjurkan Program Kesihatan Mental pada **21 hingga 22 November 2024 (Khamis & Jumaat)** bertempat di Dewan Sanggar Pujangga MOTAC. Pegawai dan kakitangan di MOTAC/ Jabatan/ Agensi yang berkelapangan dijemput untuk memeriahkan lagi program tersebut.

1.9.2 YBhg. Dato' Pengerusi memohon supaya warga MOTAC menjaga kesihatan mental supaya dapat menjaga keseimbangan hidup, kerja dan keluarga.

Makluman

2.0 PERUTUSAN PENERUSI PIHAK PEKERJA

2.1 YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan salam kepada YBhg. Dato' Pengerusi, wakil-wakil Pihak Pegawai, wakil-wakil Pihak Pekerja dan urus setia MBJ MOTAC.

2.2 YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja juga mengucapkan terima kasih kepada Pihak Pegawai yang sentiasa prihatin terhadap usul-usul yang diutarakan oleh Pihak Pekerja. YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja merakamkan penghargaan kepada Wakil Pegawai kerana telah memberi peluang kepada Pihak Pekerja untuk memberi idea dan cadangan penambakan serta sama-sama menjayakan usul yang disuarakan. Semoga segala jalinan kerjasama terus dikekalkan. Wakil Pekerja MOTAC juga memohon maaf sekiranya terdapat usul atau cadangan

dan pandangan yang bersifat ekstrem dan kontraversi. Semoga barisan kepimpinan baharu Wakil Pekerja dapat meneruskan usaha dan mengekalkan suasana harmoni di antara majikan dan juga pekerja.

Makluman

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

3.1 YBhg. Dato' Pengerusi memohon pindaan susunan nombor di dalam Minit mesyuarat MBJ MOTAC Bilangan 2 Tahun 2024 bertarikh 1 Ogos 2024.

Tindakan: BPSM

4.0 PERBINCANGAN PERKARA BERBANGKIT (DARIPADA MESYUARAT BILANGAN 2 TAHUN 2024)

4.1 Tempat letak kenderaan bagi pelanggan MM2H

4.1.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, BT telah menghantar surat Cadangan Penggunaan Tanah Lapang di Lot 27 sebagai Tapak Parkir Sementara kegunaan MOTAC kepada *Chief Executive Officer* (CEO) Putrajaya Holdings (PJH) untuk pertimbangan selanjutnya. Oleh yang demikian, PJH melalui surat bertarikh 8 Ogos 2024 telah mengemukakan maklumbalas bahawa Pihak PPJ dan PJH telah bersepakat dalam membangunkan Tapak Letak Kereta (TLK) berbayar di seluruh Putrajaya.

4.1.2 Pihak PJH menawarkan pihak MOTAC untuk menyewa tanah tersebut untuk dijadikan TLK berbayar. Namun begitu, pihak MOTAC memutuskan untuk tidak meneruskan cadangan ini.

Makluman

4.2 Permohonan penyelenggaraan padang bola tampar

4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Kerja-kerja penyelenggaraan sedang dilaksanakan bermula pada 25 Oktober 2024 dan dijangka siap pada 9 November 2024.

4.2.2 Penyelenggaraan ini merangkumi kerja-kerja pembaikan lantai dan mengecat garisan gelanggang.

Makluman

4.3 Permohonan penggantian komputer ke jenama Lenovo / terbaharu sebanyak sembilan (9) unit untuk Pembantu Operasi (PO)

4.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, perolehan bagi pembelian komputer ini telah selesai proses penilaian Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan. Namun begitu, pembentangan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan yang dijadualkan pada 22 Ogos 2024 telah ditangguhkan.

4.3.2 Perolehan ini ditangguhkan berikutan arahan Surat Ketua Setiausaha Negara (KSN) - Pemantapan Pengurusan Projek ICT Kerajaan bertarikh 16 Julai 2024 dan kini berada dalam fasa mendapat kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

Tindakan: BPM

4.4 Penganjuran *team building* untuk pegawai P&P bersama pengurusan tertinggi MOTAC

4.4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Kursus Team Building bagi pegawai Gred 22 hingga 40 (terbuka) telah diadakan pada 24 hingga 26 September 2024 di Hotel Solesor, Port Dickson. Bagi penganjuran kursus team building mengikut sektor pula dicadangkan untuk dimasukkan di dalam POL 2025 atas kekangan masa.

4.4.2 YBhg. Dato' Pengerusi juga menyarankan supaya menggabungkan beberapa aktiviti dan program yang mempunyai objektif yang hampir sama supaya dapat mengelakkan pembaziran perbelanjaan, masa dan tenaga.

Tindakan: BPSM

4.5 Penguatkuasaan *Sticker* Pelekat Kenderaan MOTAC

4.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, garis Panduan Sistem Pengurusan Pelekat Kenderaan, MOTAC telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Wira KSU pada 11 Oktober 2023 dan telah diedarkan melalui *postmaster* serta garis panduan telah dimuatnaik di INTRANET.

4.5.2 Pembahagian tapak parkir adalah melalui papan tanda di tiang-tiang dan mewajibkan semua kenderaan warga MOTAC dilekatkan *sticker* yang telah diedarkan.

Makluman

4.6 Isu Keselamatan Pas Pelawat

- 4.6.1 Untuk makluman, pihak BT memaklumkan bahawa akses Pas Pelawat telah dihadkan kepada aras yang berkaitan sahaja.

Makluman

4.7 Tidak Menggugurkan Usul Yang Belum Mencapai Status Selesai

- 4.7.1 Pihak MBJ memohon untuk tidak menggugurkan/ mengeluarkan usul yang dibawa ke dalam mesyuarat selagi belum mencapai status selesai. Sehubungan itu, BPSM mengambil maklum perkara ini dan hanya akan menggugurkan usul setelah mencapai status selesai.

Makluman

4.8 Keperluan Kursus Mengikut Skim Perkhidmatan

- 4.8.1 Untuk makluman, keperluan kursus mengikut skim perkhidmatan di MOTAC telah dikemukakan kepada BPSM untuk dipertimbangkan dalam POL 2025.

Tindakan: BPSM

4.9 Persidangan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) MOTAC

- 4.9.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, BPSM memohon supaya kertas cadangan ini perlu dipinda semula oleh wakil PPT kerana tidak memenuhi format persidangan dan dimohon menggunakan format skim Akauntan sebagai sumber rujukan bagi kertas cadangan penganjuran persidangan PPT. Oleh yang demikian, Wakil PPT akan meminda cadangan tajuk kertas permohonan kepada Kursus Pengukuhan dan Pemantapan Pasukan (*team building*) dan akan kemukakan kepada BPSM untuk pertimbangan.

Tindakan: Skim PPT

5.0 USUL/ CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA

5.1 Permohonan Pelan Operasi Latihan (POL) Tidak Diangkat Untuk Kelulusan Kali Kedua

5.1.1 Pihak Pekerja mencadangkan supaya POL yang telah mendapat kelulusan tahunan tidak perlu diangkat kelulusan semula untuk pelaksanaan. Maklumat yang diberikan kepada BPSM telah mengambil kira kelayakan, tujuan, sasaran peserta dan objektif berkaitan. Sehubungan dengan itu, pemilik POL boleh menggunakan kelulusan tahunan tersebut untuk melaksanakan kursus yang telah dirancang.

5.1.2 Mesyuarat minit ceraihan bagi pelaksanaan kursus/ bengkel perlu diangkat semula untuk kelulusan pengurusan tertinggi MOTAC bagi kawalan dalaman kementerian. Ini adalah kerana minit ceraihan yang disediakan menyatakan maklumat terperinci kursus/ bengkel seperti bilangan peserta, kos sebenar yang akan digunakan, lokaliti dan lain-lain. Namun begitu, BPSM akan mengadakan perbincangan dengan BK mengenai cadangan penambahbaikan ini.

Tindakan: BPSM dan BK

5.2 Takwim POL Diedarkan/ Dimaklumkan Secara Bulanan Kepada Warga MOTAC

5.2.1 Mesyuarat dicadangkan agar Takwim Kursus diedarkan kepada warga MOTAC secara bulanan dan mengemaskini kalendar/ katalog kursus. Kalendar kursus juga dicadangkan untuk dipaparkan di dalam sistem e-kursus bagi memudahkan bahagian/ unit memilih tarikh tersedia untuk melaksanakan kursus yang dirancang dan mengelakkan pertindihan tarikh kursus.

5.2.2 YBrs. Tuan SUB (PSM) memaklumkan Takwim Kursus secara bulanan akan disediakan di dalam sistem e-kursus dan BPSM akan bekerjasama dengan BPM untuk merealisasikan cadangan penambahbaikan ini.

Tindakan: BPSM dan BPM

6.0 HAL-HAL LAIN

6.1 Urusan Kenaikan Pangkat Skim Pegawai Kebudayaan

- 6.1.1 Wakil Pegawai Kebudayaan memohon pertimbangan permohonan kenaikan pangkat secara melangkaui bagi Pegawai Kebudayaan Gred B36 ke Gred B42 memandangkan pegawai tersebut yang dipertimbangkan memenuhi semua syarat kenaikan pangkat tersebut.
- 6.1.2 Selain itu, wakil Pegawai Kebudayaan juga memohon pengisian segera bagi Pegawai Kebudayaan Gred B41/44 di Bahagian Pembangunan Industri, MOTAC.
- 6.1.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, urusan kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada dasar dan pekeliling sedia ada. Bagi permohonan pengisian jawatan tersebut, ianya adalah bergantung kepada kelulusan pengisian daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tindakan : BPSM

6.1 Cadangan Penyediaan Tong Sampah di Parkir Kenderaan

- 6.1.1 Pihak Pekerja memohon penyediaan tong sampah di parkir kenderaan B2 dan B3. Ini bagi memastikan kebersihan di kawasan tersebut sentiasa terjaga.
- 6.1.2 Oleh yang demikian, mesyuarat memutuskan cadangan ini diterima dan wakil BT akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tindakan : BT

6.0 PENUTUP

YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi.

Disediakan oleh:



.....
(NURUL AIN BINTI JUMAAT)

Urus Setia

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Disemak oleh:



.....
(SHANKARAN A/L RAMASOMDRAM)

Setiausaha Pihak Pegawai

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



.....
(NURUL ASHIKIN BINTI SAMAT)

Setiausaha Pihak Pekerja

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya